



**BERSAMA SETPOL:** Sesi bergambar Datuk Romli Ishak bersama tetamu jemputan dan pelajar UMS.



**BERSAMA JAKMAS:** Sesi bergambar bersama pengetua Timbalan Pengetua Felo dan Barisan Kepimpinan JAKMAS Kediaman Ecopark Kolej Kediaman 1 Borneo serta Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher.

## Tiga kolej kediaman luar jayakan lawatan SETPOL TPM

UB 7-11-2019 15

**KOTA KINABALU:** Kediaman Ecopark, Kolej Kediaman 1 Borneo dan Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher baru-baru ini bersama-sama menjayakan dan memeriahkan majlis yang diadakan di Anjung Siswa, Jabatan Hal Ehwal Pelajar iaitu lawatan Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri Bersama Anak Muda Kota Kinabalu.

Majlis Lawatan Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri Bersama Anak

Muda Kota Kinabalu mememulakan Datuk Romli Ishak bersama-sama dengan warga Kota Kinabalu termasuklah pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pada majlis berkenaan, Datuk Romli Ishak menyampaikan amanat kepada semua pelajar UMS di samping menumpukan perhatian kepada keperluan akademik, penglibatan kepada aktiviti pelajar khususnya kesukarelawan dan kemasyarakatan perlulah dilakukan.

“Menjadi tanggungjawab warga universiti khususnya pelajar untuk menabur bakti kepada masyarakat dari masa ke masa.

“Melaluinya kita akan lebih dekat dengan masyarakat dan bersyukur dengan apa yang kita ada,” katanya.

Di samping itu, warga Kota Kinabalu yang turut hadir juga menyampaikan aspirasi dan hasrat serta hala tuju pembangunan Kota Kinabalu kepada Datuk Romli Ishak.